

BAB 3

METODOLOGI


3.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan metodologi kajian bagi melihat kesan maklum balas bertulis terhadap mutu karangan pelajar, secara terperinci. Huraian meliputi reka bentuk kajian, pemilihan subjek, instrumen kajian, jadual pelaksanaan kajian, dan prosedur kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian berbentuk eksperimen ini ditunjukkan melalui carta aliran reka bentuk kajian (Rajah 2). Reka bentuk kajian ini merupakan versi yang diper mudahkan daripada reka bentuk kajian Lanlade (1982). Oleh sebab kajian ini bertujuan melihat kesan olahan terhadap kumpulan eksperimen berdasarkan ujian pra dan ujian pos, maka tidak ada kumpulan terkawal dan tidak ada perbandingan dari segi dua cara olahan

seperti mana yang terdapat dalam reka bentuk kajian Lanlade (1982).



- Rawatan A** Menyemak karangan secara menyelesaikan masalah berdasarkan kod kesilapan dalam karangan asal dan mencatat jumlah kesilapan ke dalam Helaian Kesedaran Kesilapan.
- Rawatan B** Mencatat jumlah kesilapan selepas menyemak karangan asal dalam Helaian Kesedaran Kesilapan.

Rajah 2 : Reka Bentuk Kajian

Dua aspek diambil terus daripada reka bentuk kajian Lanlade (1982). Pertama, penggunaan Kod Pembetulan Kesilapan untuk membantu pelajar membetulkan kesilapan aspek permukaan ayat dalam karangan semasa penyemakan. Kedua, penggunaan Helaian Kesedaran Kesilapan untuk menyedarkan pelajar tahap pencapaian pembetulan kesilapan sebelum mereka menulis karangan baru (2.4) Kedua-dua aspek ini merupakan aktiviti yang terkandung dalam Olahan A dan Olahan B (Rajah 2).


Terdapat beberapa angkubah baru dalam kajain ini. Angkubah-angkubah tersebut ialah ujian keselarian tajuk karangan bagi karangan ujian pra dan ujian pos, markah komponen pencapaian mengarang, markah komponen isi karangan, kesedaran metakognisi, dan soal selidik pelajar.

Aktiviti-aktiviti yang bermula dengan Karangan 1 sehingga Karangan 2 (Rajah 2) mengandung fasa-fasa olahan dalam kajian. Subjek menulis Karangan 1 dan menghantar kepada guru untuk ditanda dengan kod pembetulan kesilapan oleh penyelidik kemudiannya.

Dalam perjumpaan selanjutnya, subjek menjalani Olahan A. Karangan 1 yang telah disemak dan ditanda semula dipulangkan kepada subjek untuk mereka jalani Olahan B. Fasa-fasa rawatan selanjutnya berlaku dalam tempoh Karangan 2 sehingga Rawatan B sebelum Karangan 3, dan dalam tempoh karangan 3 sehingga Olahan B sebelum ujian pos.

Soal selidik pelajar ialah angkubah yang digunakan untuk melihat kesan olahan terhadap markah isi karangan dan aspek metakognisi pelajar berkaitan dengan pembetulan kesilapan. Ujian rintis keselarian tajuk ialah untuk menentukan kesesuaian tajuk karangan ujian pra dan ujian pos.

Rajah kedudukan boleh-boleh ubah kajian (Rajah 3) menunjukkan kedudukan subjek, boleh ubah bebas, dan boleh ubah bersandar yang terlibat dalam kajian berbentuk eksperimen ini.



Rajah 3.: Kedudukan Pemboleh-Pemboleh Ubah Kajian.

Pemboleh ubah bebas yang pertama ialah maklum balas bertulis pada kesilapan permukaan ayat dalam karangan. Kumpulan eksperimen yang terdiri daripada pelajar berpencapaian tinggi dan pelajar berpencapaian

sederhana menerima maklum balas pembetulan dalam bentuk kod pembetulan kesilapan. Pemboleh ubah bebas kedua ialah tahap pencapaian pelajar iaitu, pencapaian tinggi dan pencapaian sederhana berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Penilaian Menengah Rendah.

Pemboleh ubah bersandar pertama ialah jumlah keseluruhan kesilapan dan jumlah kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan berdasarkan karangan ujian pos.

Pemboleh ubah bersandar kedua ialah pencapaian komponen-komponen pencapaian karangan dan markah karangan dalam ujian pos. Pemboleh ubah bersandar ketiga ialah kesedaran metakognisi yang dilihat melalui pertama, korelasi antara tahap keyakinan pelajar terhadap kebolehan membentulkan kesilapan selepas olahan dengan peratus pengurangan kesilapan keseluruhan, dan kedua, korelasi antara pandangan pelajar tentang kesan olahan terhadap pengetahuan aspek permukaan ayat dengan peratus pengurangan kesilapan. Pemboleh ubah bersandar yang akhir ialah pencapaian komponen isi yang dilihat melalui pandangan

pelajar tentang kesan olahan terhadap isi karangan dengan markah isi dalam ujian pos karangan.

Langkah-langkah tertentu diambil untuk memastikan tidak ada pemboleh-pemboleh ubah luar yang akan menjelaskan kajian. Pertama, pelajar tidak diberitahu tentang penglibatan mereka di dalam kajian.

Kedua, satu ujian rintis iaitu ujian keselarian tajuk dan jenis karangan bagi karangan ujian pra dan karangan ujian pos telah dijalankan seminggu sebelum kajian. Ujian ini bertujuan memastikan faktor tajuk dan jenis karangan tidak mempengaruhi kesan olahan.

Ketiga, hanya maklum balas dalam bentuk kod pembetulan kesilapan pada aspek permukaan ayat sahaja yang diberikan. Hal ini memandangkan maklum balas boleh memberi pelbagai kesan kepada pembelajaran (2.2).

Keempat, penyelidik sendiri yang menanda karangan subjek. Penyelidik berbuat demikian bagi memastikan

ketekalan antara jenis kesilapan dan kod pembetulan kesilapan.

Akhir sekali, hanya seorang guru Bahasa Melayu sahaja yang mengajar subjek dalam tempoh kajian dijalankan. Pengkaji mendapat persetujuan guru ini supaya beliau tidak mengajarkan karangan semasa kelas biasa. Beliau terlibat untuk menguruskan penyemakan karangan dan pengisian Helaian Kesedaran Kesilapan oleh subjek.

3.3 Subjek Kajian

Subjek dalam kumpulan eksperimen kajian ini terdiri daripada 41 orang pelajar sebuah kelas tingkatan 4 (4 Automatif), Sekolah Menengah Vokasional Kelang, Selangor.

Komposisi subjek dalam kumpulan eksperimen dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan pencapaian, iaitu kumpulan berpencapaian tinggi (PT) yang berjumlah 19 orang dan kumpulan berpencapaian sederhana (PS) yang berjumlah 22 orang (Rajah 4).

Penentuan pencapaian dibuat berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, peperiksaan Penilaian Menengah Rendah 1994. Subjek yang mendapat keputusan gred A dalam Bahasa Melayu (PMR) ialah subjek berpencapaian tinggi, manakala yang mendapat keputusan gred B dan C pula berpencapaian sederhana.

Kumpulan Eksperimen	Bilangan Pelajar
Pencapaian Tinggi	19
Pencapaian Sederhana	22
Jumlah	41

Rajah 4 : Komposisi Subjek, Tingkatan 4 (Automotif) Sekolah Menengah Vokasional, Kelang, Selangor.

Kesemua subjek telah mengikuti KBSM dari tingkatan 1 hingga tingkatan 3. Mata pelajaran Bahasa Melayu telah diajarkan (6 x 35 min) seminggu dan tatabahasa serta aspek permukaan ayat lain telah diajarkan, sebagai komponen mata pelajaran. Oleh itu,

subjek sudah mempunyai pengetahuan tentang tatabahasa dan aspek permukaan ayat bahasa Melayu. Di tingkatan 4, subjek mengikuti (4 x 60 min) seminggu bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah Vokasional). Pengajaran tatabahasa dan aspek permukaan ayat lain masih diteruskan.

Guru mata pelajaran Bahasa Melayu yang akan mengajar pelajar yang terlibat dalam kajian. Guru juga menguruskan olahan di dalam kelas. Pengkaji pula terlibat sebagai penanda karangan asal pelajar dan karangan yang telah disemak.

3.4 Instrumen Kajian

3.4.1. Ujian Rintis, Ujian Pra dan Ujian Pos

Karangan

Bagi menyempurnakan kajian ini, tiga ujian telah dijalankan. Pertama, ujian rintis keselarian tajuk karangan bagi karangan ujian pra dan karangan ujian pos. Kedua, ujian pra karangan, dan akhir sekali ujian pos karangan.

(a) **Ujian Rintis Keselarian Tajuk Karangan**

bagi karangan ujian pra dan ujian pos

Ujian ini dijalankan seminggu sebelum kajian bagi menentukan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jumlah keseluruhan kesilapan berdasarkan ujian pra dan ujian pos karangan. Hal ini penting bagi memastikan bahawa perbezaan jumlah keseluruhan kesilapan dalam kedua-dua karangan tidak dipengaruhi oleh faktor tajuk karangan. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah 42 orang pelajar tingkatan 4 PPP, sekolah yang dipilih untuk dijalankan kajian ini.

Dapatan daripada ujian ini ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah. Analisis maklumat Ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan jumlah keseluruhan kesilapan berdasarkan karangan tajuk I dan karangan tajuk II ($t = -1.3$).

Oleh kerana kedua-dua karangan tidak menunjukkan jumlah keseluruhan kesilapan yang berbeza dari segi statistik, kedua-dua tajuk karangan sesuai dijadikan tajuk karangan ujian pra (karangan tajuk I) dan tajuk karangan ujian pos (karangan tajuk II).

Jadual 1

Jumlah Keseluruhan Kesilapan Karangan Bagi Karangan I dan Karangan II

Karangan I		Karangan II		<i>t</i>
Jumlah	Min	Jumlah	Min	
N = 44	972	22.1	1030	23.4 -1.3

(b) Ujian Pra Karangan

Ujian pra karangan ialah sebuah karangan jenis perbincangan (200 patah perkataan) yang ditulis dalam kelas dalam tempoh 45 minit pada awal minggu pertama

kajian dijalankan (Lihat Lampiran 1 tentang peraturan dan tajuk ujian). Jumlah perkataan ditentukan sedemikian kerana pelajar baru sahaja tamat persekolahan tingkatan 3. Semasa berada di tingkatan 3, mereka menulis karangan dengan menggunakan 180 patah perkataan. Oleh itu, jumlah perkataan perlu disesuaikan dengan ciri pelajar yang baru tamat tingkatan 3.

(c) Ujian pos karangan

Ujian pos karangan ialah sebuah karangan jenis perbincangan (200 patah perkataan) yang ditulis dalam kelas dalam tempoh 45 minit pada minggu akhir kajian dijalankan. Peraturan-peraturan bagi ujian ini sama seperti ujian pra (Lampiran 11).

Kategori Kesilapan	Jenis Kesilapan (Permukaan Ayat)	Kod Pembetulan Kesilapan
Ayat		
-	ayat tergantung	atg
-	susunan perkataan	sp
-	kata hubung	khg
Penggunaan perkataan		
-	imbuhan	imb
-	pemilihan kata	pkt
-	tinggal	tgl
-	tambah	tbh
Tanda bacaan		
-	noktah, koma, noktah bertindih dan koma bernoktah	tbcn
Ejaan		
-	ejaan asli dan kata pinjaman	ej

Rajah 5 : Kod Pembetulan Kesilapan Mengikut Jenis Kesilapan

Kesilapan-kesilapan permukaan ayat dalam karangan ujian pra dan ujian pos digarisi dan ditanda dengan kod pembetulan kesilapan berdasarkan 9 jenis kesilapan permukaan ayat yang ditunjukkan dalam Rajah 5 di atas.

Jumlah kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan dan jumlah keseluruhan kesilapan dikira dan direkod untuk mengukur dan membandingkan jumlah kesilapan.

Jumlah kesilapan dalam karangan ujian pra dan karangan ujian pos membekalkan data-data yang berikut;

- (a) jumlah keseluruhan kesilapan bagi kumpulan eksperimen,
- (b) jumlah kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan bagi kumpulan eksperimen,
- (c) jumlah keseluruhan kesilapan berdasarkan pencapaian pelajar, dan
- (d) jumlah kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan berdasarkan pencapaian pelajar.

Di samping pengukuran kuantitatif bagi aspek permukaan ayat, komponen-komponen isi, penyusunan, struktur dan gaya bahasa, perbendaharaan kata, dan mekanis karangan ujian pra dan ujian pos juga ditanda. Markah diberi berdasarkan skala analisis untuk sekolah menengah atas (Abdul Aziz Talib, 1993). Pencapaian berdasarkan markah skala analisis bagi ujian pra dan ujian pos dijumlahkan untuk mendapat markah

keseluruhan karangan dan markah komponen-komponen pencapaian karangan. Markah-markah direkodkan untuk tujuan mengukur dan membandingkan markah.

3.4.2 Pembetulan Kesilapan

Elemen-elemen maklum balas pembetulan kesilapan permukaan ayat yang menjadi elemen-elemen utama pengolahan bagi kumpulan eksperimen terdiri daripada yang berikut;

(a) Kesilapan-kesilapan Permukaan ayat

Pemilihan jenis kesilapan permukaan ayat adalah berdasarkan dapatan kajian tentang kesilapan-kesilapan yang telah menjejaskan pencapaian bahasa dalam karangan pelajar sekolah (Awang Mohd. Amin, 1982; Abdul Aziz Talib, 1989; dan Koh Boh Boon, 1995). Terdapat 4 kategori kesilapan yang sering dikesan dalam karangan pelajar: ayat, penggunaan perkataan, tanda bacaan, dan ejaan. Berdasarkan 4 kategori kesilapan di atas, pengkaji telah menentukan

jenis-jenis kesilapan bagi tiap kategori (Rajah 5).

(b) Kod Pembetulan Kesilapan Permukaan Ayat

Berdasarkan 9 jenis kesilapan permukaan ayat, 9 kod pembetulan kesilapan (Rajah 5) dibina bagi menarik perhatian subjek kepada kesilapan dan jenis kesilapan yang mereka lakukan. Kod pembetulan kesilapan menjadi dasar penyemakan yang berteraskan aktiviti penyelesaian masalah. Subjek diharap dapat membetulkan sendiri kesilapan dengan cara merujuk maklumat permukaan ayat dalam buku nota tatabahasa, buku teks Bahasa Melayu, atau buku-buku rujukan lain.

(c) Helaian Kesedaran Kesilapan

Helaian Kesedaran Kesilapan bertujuan membantu subjek memantau perkembangan pembetulan kesilapan mereka. Subjek menjumlahkan tiap jenis kesilapan dan mencatatkan jumlah ini dalam

Helaian Kesedaran Kesilapan (Lampiran 111). Cara ini menyedarkan subjek tentang jenis kesilapan yang masih kerap mereka lakukan dan mengingatkan subjek tentang kesilapan itu sebelum mereka menulis karangan baru. Tujuan ini melengkapi peranan kod pembetulan kesilapan di atas.

(d) Maklumat Permukaan Ayat

Maklumat permukaan ayat telah dipelajari oleh subjek di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Subjek juga mempunyai buku nota tatabahasa dan teks Bahasa Melayu. Di samping itu, maklumat permukaan ayat terus diajarkan di dalam kelas. Subjek mencatatkan maklumat-maklumat permukaan ayat di dalam buku nota tatabahasa.

3.4.3 Pencapaian Berdasarkan Skim Pemarkahan Karangan Skala Analisis

Pencapaian (A = Cemerlang, B = Baik, C = Sederhana, D = Lemah, E = Sangat Lemah) adalah berdasarkan skim pemarkahan karangan skala analisis

(Abdul Aziz Talib, 1993). Skim pemarkahan ini digunakan untuk mengukur markah komponen-komponen pencapaian karangan dan markah karangan ujian pra dan karangan ujian pos sahaja. Skim pemarkahan karangan skala analisis bagi tiap komponen pencapaian adalah seperti yang berikut;

(a) Isi

(Markah maksimum = 30)

- Kaitan idea dengan tajuk, keragaman dan keaslian idea, serta perkembangan dan huraian idea.

A (26 - 30)
B (22 - 25)
C (17 - 21)
D (10 - 16)
E (0 - 9)

(b) Penyusunan

(Markah maksimum = 25)

- Perkembangan tema yang logis, sistematis, bertalian , dan jelas.

A (23 - 25)
B (18 - 22)
C (14 - 17)
D (09 - 13)
E (00 - 08)

(c) Struktur dan gaya bahasa

(Markah maksimum = 20)

- Ketepatan tatabahasa kompleksiti ayat, keragaman struktur dan keberkesanannya bahasa.

A (18 - 20)
B (15 - 17)
C (12 - 14)
D (07 - 11)
E (00 - 06)

(d) Perbendaharaan kata

(Markah maksimum = 15)

- Pemilihan kata yang tepat, beraneka, dan luas.

A (14 - 15)
B (12 - 13)
C (09 - 11)
D (05 - 08)
E (00 - 04)

(e) Mekanis

(Markah maksimum = 10)

- Ejaan, tanda bacaan, perenggan, penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Kebolehbacaan tulisan tangan.

A (09 - 10)
B (07 - 08)
C (05 - 06)
D (03 - 04)
E (00 - 02)

(f) Markah karangan

(Markah maksimum = 100)

- Jumlah markah keseluruhan
(a + b + c + d + e)

A (75 - 100)
B (60 - 74)

- C (40 - 59)
- D (30 - 39)
- E (00 - 29)

3.4.4 Soal Selidik Pelajar

Soal selidik pelajar yang dibina sendiri oleh penyelidik dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A mengandung pernyataan tentang latar belakang pelajar. Bahagian B mengandung 4 item. Item 1 dan 2 berkait dengan keyakinan pelajar terhadap kebolehan membetulkan kesilapan. Item 3 berkait kesan aktiviti pembetulan kesilapan terhadap pengetahuan aspek permukaan ayat dalam karangan. Item 4 berkait dengan kesan aktiviti pembetulan kesilapan terhadap markah komponen pencapaian isi karangan.

Item-item dalam bahagian B menggunakan skala 1 hingga 4. Bagi item 1 dan 2, skalanya ialah; 1 = tidak yakin, 2 = sederhana yakin, 3 = yakin, 4 = sangat yakin. Bagi item 3 dan 4, skalanya ialah; 1 = sangat tidak benar, 2 = tidak benar, 3 = benar, 4 = sangat benar.

Tujuan item 1 ialah untuk melihat tahap keyakinan pelajar terhadap kebolehan membetulkan kesilapan sebelum olahan, dan item 2 bertujuan untuk melihat tahap keyakinan pelajar terhadap kebolehan membetulkan kesilapan selepas olahan. Selanjutnya, item 2 digunakan untuk mengesan kesedaran metakognisi pelajar tentang kebolehan membetulkan kesilapan dengan cara melihat korelasi antara tahap keyakinan selepas olahan dengan peratus pengurangan keseluruhan kesilapan. Item 3 bertujuan mengesan kesedaran metakognisi pelajar tentang aplikasi pengetahuan aspek permukaan ayat dalam karangan dengan melihat korelasi antara pandangan pelajar tentang kesan pembetulan kesilapan terhadap pengetahuan aspek permukaan ayat dengan peratus pengurangan keseluruhan kesilapan mengikut setiap pelajar. Item 4 bertujuan mengesan pandangan pelajar tentang kesan aktiviti pembetulan kesilapan terhadap komponen pencapaian isi karangan dan kemudian melihat korelasi antara pandangan pelajar dengan markah komponen isi karangan dalam ujian pos.

3.4.5 Pengesanan Kesedaran Metakognisi

(Sumber: Mohammad, 1993; Wade dan Reynolds, 1989)

Pengesanan kesedaran metakognisi pelajar dibuat dengan cara yang berikut;

(1). Kebolehan membetulkan kesilapan

- Jika tahap keyakinan ialah sangat yakin/yakin dan peratus pengurangan kesilapan tinggi, maka tahap kesedaran adalah tinggi, menunjukkan pelajar mempunyai kesedaran yang tepat tentang kebolehan membetulkan kesilapan.
- Jika tahap keyakinan ialah sangat yakin/yakin dan peratus pengurangan kesilapan rendah, maka tahap kesedaran adalah rendah.
- Jika tahap keyakinan ialah tidak yakin/sederhana yakin dan peratus pengurangan kesilapan rendah, maka tahap kesedaran adalah tinggi.

- Jika tahap kayakinan jalah tidak yakin/sederhana dan pengurangan kesilapan tinggi, maka kesedaran pelajar adalah rendah.

(2) Kebolehan menggunakan pengetahuan aspek permukaan ayat

- Jika pelajar berpandangan bahawa benar/sangat benar aktiviti meningkatkan pengetahuan dan peratus pengurangan kesilapan tinggi, maka kesedaran pelajar adalah tinggi. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai kesedaran yang tepat tentang penggunaan pengetahuan untuk membetulkan kesilapan.
- Jika pelajar berpandangan bahawa benar/sangat benar aktiviti meningkatkan pengetahuan dan peratus pengurangan kesilapan rendah, maka kesedaran pelajar adalah rendah

- Jika pelajar berpandangan bahawa tidak benar/sangat tidak benar aktiviti meningkatkan pengetahuan dan peratus pengurangan kesilapan rendah, maka kesedaran pelajar adalah tinggi.
- Jika pelajar berpandangan bahawa tidak benar/sangat tidak benar aktiviti meningkatkan pengetahuan dan peratus pengurangan kesilapan tinggi, maka kesedaran pelajar adalah rendah.

3.5 Jadual Pelaksanaan

Jangka masa kajian ialah selama 8 minggu. Jadual pelaksanaan kajian ini dapat dilihat dalam Rajah 6. Pada minggu pertama diadakan ujian pra karangan. Penulisan karangan dijalankan berselang minggu, iaitu Karangan 1 pada minggu kedua, Karangan 2 pada minggu keempat, dan Karangan 3 pada minggu keenam. Pada

minggu ketiga, kelima, dan ketujuh, olahan yang berupa menyemak karangan dan mencacat jumlah kesilapan dalam Helaian Kesedaran Kesilapan. Pada minggu keempat, keenam, dan kelapan olahan berupa aktiviti memantau pencapaian pembetulan kesilapan, iaitu menjumlahkan dan mencatatkan jumlah kesilapan yang masih dilakukan selepas penyemakan ke dalam Helaian Kesedaran Kesilapan. Ujian pos dijalankan pada minggu kelapan, manakala soal selidik pelajar ditadbirkan sehari selepas ujian pos.

Sebelum olahan dijalankan, guru mengambil satu masa pelajaran untuk menerangkan kepada pelajar cara melaksanakan aktiviti penyemakan, maksud tiap kod kesilapan dan tujuan Helaian Kesedaran Kesilapan.

Minggu	Hari/Tarikh Masa	Kumpulan Eksperimen
1	Khamis/23.3.95 45 min	Ujian pra Karangan
2	Rabu/29.3.95 45 min	Penulisan Karangan 1
3	Rabu/5.4.95 60 min	Kod Kesilapan,HKK dan Penyemakan Karangan 1
4	Rabu/12.4.95 60 min	Helaian Kesedaran Kesilapan dan Penulisan Karangan 2
5	Rabu/19.4.95 60 min	Kod Kesilapan,HKK dan Penyemakan Karangan 2
6	Rabu/3.5.95 60 min	Helaian Kesedaran Kesilapan dan Penulisan Karangan 3
7	Rabu/10.5.95 60 min	Kod Kesilapan,HKK dan Penyemakan Karangan 3
8	Isnin/15.5.95 60 min	Helaian Kesedaran Kesilapan dan Ujian Pos Karangan
8	Selasa/16.5.95 20 min	Pentadbiran Soal Selidik Pelajar

HKK – Helaian Kesedaran Kesilapan

Rajah 6 : . Jadual Pelaksanaan

3.6 Prosedur Kajian

Prosedur kajian meliputi tiga perkara. Pertama, cara maklum balas diberi dan aktiviti penyemakan semasa penulisan semula karangan. Kedua, pemantauan pembetulan kesilapan, dan ketiga pentadbiran soal selidik pelajar.

Maklum balas pada kesilapan aspek permukaan ayat dalam Karangan 1, 2, dan 3 pelajar dan dalam karangan-karangan yang sama, yang telah disemak oleh pelajar diberi secara sistematis dan tekal. Kesilapan-kesilapan dalam karangan pelajar digarisi dan kod pembetulan kesilapan berdasarkan jenis kesilapan diletakkan di atas bahagian yang digaris. Bagi perkataan tertinggal, tanda tinggal (/\\) diletakkan pada bahagian yang tertinggal dan kod pembetulan kesilapan bagi jenis kesilapan tersebut diletakkan di atas bahagian tanda tinggal. Cara yang sama juga digunakan bagi menandakan tanda bacaan yang tertinggal. Yang berbeza hanyalah kod pembetulan kesilapan.

Sebelum membuat penyemakan karangan yang telah ditanda, pelajar-pelajar mentafsir kod dengan cara merujuk nota tatabahasa, buku teks, dan bahan-bahan lain yang sesuai. Tempoh masa 60 minit diberikan kepada pelajar-pelajar untuk menyemak bagi membetulkan kesilapan. Aktiviti di atas berbentuk penyelesaian masalah yang memerlukan pelajar terlibat secara aktif bagi membetulkan sendiri kesilapan. Pelajar mencatatkan jumlah keseluruhan kesilapan dan jumlah kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan dalam Helaian Kesedaran Kesilapan (Lampiran IV) Karangan yang telah disemak diserahkan semula kepada guru untuk ditanda semula oleh pengkaji.

Sebelum pelajar-pelajar menulis karangan baru dalam perjumpaan kelas selanjutnya, pelajar-pelajar sekali lagi mencatatkan jumlah kesilapan mengikut setiap jenis kesilapan bagi karangan yang telah ditanda semula dalam Helaian Kesedaran Kesilapan. Tujuan berbuat demikian ialah untuk membantu pelajar memantau perkembangan pembetulan kesilapan mereka, terutama menyedarkan mereka jenis-jenis kesilapan yang

masih kerap dilakukan. Di samping itu, pelajar-pelajar diharap akan beringat-ingat sebelum menulis karangan baru. Tempoh masa yang diperuntukkan untuk aktiviti di atas ialah selama 60 minit.

Jumlah kesemua karangan yang ditulis di dalam kelas ialah lima (5)buah. Dua daripada karangan itu ialah karangan ujian pra dan karangan ujian pos, manakala tiga lagi (Karangan 1, karangan 2 dan Karangan 3) ialah karangan-karangan yang ditulis untuk tujuan pembetulan kesilapan (lihat Lampiran III untuk tajuk-tajuk karangan). Pelajar diberi masa 45 minit untuk menulis karangan ujian pra dan karangan 1. Hal ini memandangkan tidak ada aktiviti tambahan semasa menulis kedua-dua karangan ini. Pelajar diberi masa selama 20 minit untuk memberi respons kepada item-item soal selidik.